

18/07/1998

Agensi kerajaan diarah hapus kerenah birokrasi

BANTING, Jumaat - Agensi kerajaan negeri diarahkan menghapuskan kerenah birokrasi dengan mempercepatkan permohonan bagi setiap projek pembangunan agar dapat dilaksanakan segera dalam usaha membantu membaik pulih ekonomi negara.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata kerajaan mengambil berat kelewatan yang dihadapi pemaju untuk membangunkan sesuatu projek berikutan permohonan mereka mengambil masa lama malah ada yang terpaksa menunggu sehingga dua tahun untuk mendapat kelulusan.

Beliau berkata, isu kelewatan meluluskan permohonan projek pembangunan atau mendapatkan sesuatu lesen ada dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri baru-baru ini dan mendapat perhatian serius Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan amat mengambil berat tugas yang boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membantu menangani kegawatan dan memulihkan ekonomi.

Katanya, kerajaan memutuskan untuk mengarahkan PBT menyegerakan permohonan yang berkaitan dengan projek pembangunan seperti projek perumahan kos rendah dan projek lain yang menyediakan aktiviti ekonomi kepada rakyat.

Antara projek pembangunan yang perlu diberi perhatian ialah pembinaan membabitkan perumahan dan infrastruktur, pembuatan dan pertanian kerana ia berkaitan dengan banyak aktiviti ekonomi yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri dan jabatan kerajaan yang berkaitan diminta menghapuskan kerenah birokrasi dan menyegerakan setiap permohonan, termasuk menukar syarat untuk melaksanakan sebarang projek pembangunan bagi memastikan tiada kelewatan berlaku.

"Ada negeri yang saya terima aduan mengambil masa sehingga dua tahun untuk meluluskan permohonan tukar syarat dan ia adalah jangka masa yang lama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah projek Dewan Orang Ramai Kampung Baru, Jenjarom, di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Telok Datuk, Ei Kim Hock.

Dr Ting juga meminta Menteri Besar dan Ketua Menteri memastikan kerajaan negeri masing-masing mematuhi arahan itu.

Menurutnya, beliau akan menghubungi semua PBT bagi mendapatkan laporan mengenai perkembangan projek pembangunan di kawasan masing-masing.

Berikutan itu, katanya, beliau mahu semua PBT memberi kerjasama bagi memastikan jentera kerajaan berjalan lancar.

"Jika terdapat aduan mengenai sesuatu projek tidak dapat dilaksanakan kerajaan mahu tahu kenapa ia berlaku.

"Dalam keadaan sekarang, permohonan menukar syarat sepatutnya diluluskan dalam masa satu atau dua bulan kerana ini adalah masa istimewa di mana negara sedang menghadapi krisis dan perlu ada langkah lebih pantas," katanya.

Beliau berkata, pegawai agensi kerajaan hendaklah memastikan setiap dokumen dilengkapi oleh pemaju sebelum menerima permohonan itu bagi mengelakkan sebarang masalah yang timbul ketika memberikan kelulusan.

(END)